

# selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 20 APRIL - 3 MEI 2023 www.selangorkini.my

# Rumah terbuka di setiap daerah

**MUKA 2&6**

PENAMPILAN ISTIMEWA: YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI YB BORHAN AMAN SHAH

**tV2 #KitaSelangor**

DRAMA RAYA TERBITAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

## Selalu Ada

3 MEI 2023 | 9.00 MALAM

*Apa kata artis*  
**MUKA 8&9**

ERRA FAZIRA SOPHIA AL BARAKBAH SYAFIE NASWIP ZARUL IMRAN DATO' JALALUDDIN HASSAN KAZAR ROPIE

### Salam lebaran pimpinan Selangor

Ucapan raya Dato' Menteri Besar, EXCO dan ADN

14-15,18-20

### Anak bulan tentukan Aidilfitri

Mufti Selangor perjas kaedah penetapan 1 Syawal

10



### Bergaya sakan di 10 lokasi OOTD

Tourism Selangor senarai tempat menarik bergambar

22





## Rumah Terbuka Aidilfitri 28 April

**SHAH ALAM** - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri akan diadakan pada minggu pertama sambutan hari raya mulai 28 April.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dijadual berangkat ke majlis itu di Padang Taman Sri Kerayong, Klang pada 30 April.

Majlis yang merangkumi Rumah Terbuka Aidilfitri dan Rewang Sekampung itu juga bakal dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri.

Program berkenaan bermula di tapak pasar pagi Pekan Salak, Sepang pada 28 April diikuti Padang Taman Awam Hulu Bernam di Hulu Selangor pada keesokannya.

## Awasi anak-anak bermain mercun

**SHAH ALAM** - Ibu bapa diingatkan supaya memantau dan mengawasi anak-anak mereka ketika bermain mercun atau bunga api sepanjang perayaan Aidilfitri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu berkata tindakan boleh diambil bawah Akta Kanak-Kanak 2001 jika berlaku pengabaian, lapor Bernama.

"Kita tidak mahu perayaan berakhir dengan kesedihan. Anak-anak sepatutnya dipantau sentiasa dan jangan terlepas pandang," katanya.

Aiman Athirah mengulas keputusan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang membenarkan pembakaran serta penjualan bunga api dan mercun di negara ini.

## Bertemu semula edisi 4-10 Mei

**SEMPENA** sambutan 1 Syawal, Selangorkini tidak diterbitkan minggu depan. Akhbar ini termasuk sisipan Pancawarna kembali menemui pembaca dengan berita dan rencana menarik pada 4-10 Mei.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas



# Tanah rizab Melayu bertambah

**SHAH ALAM** - Keluasan tanah rizab Melayu di Selangor berjumlah 162,508.97 hektar setakat Februari, meningkat lebih 29 peratus (36,663.71 hektar) berbanding sebelum merdeka pada 1948.

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim berkata peningkatan dan penurunan keluasan tanah dalam tempoh tersebut akibat kesan pembatalan dan penggantian untuk pembangunan prasarana.

Beliau dalam kenyataan pada 12 April menjelaskan ia juga diguna bagi pengambilan balik tanah untuk kemudahan awam seperti pembinaan lebuh raya,

lapangan terbang dan loji rawatan air.

"Kerajaan Negeri sentiasa berusaha secara berterusan untuk mengekalkan keluasan tanah rizab sedia ada, yang masih terkawal dan dipantau rapi dengan setiap pembatalan perlu diganti," katanya.

Kenyataan itu mengulas dakwaan wakil rakyat Sijangkang Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berhubung dakwaan rizab tanah Melayu Selangor turun mendadak yang dilapor sebuah portal pada 10 April.

Haris berkata pemantauan dibuat melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan

Galian Selangor (PTGS) Bil. 7/2001 mengenai dasar dan garis panduan pembatalan dan penggantian tanah rizab itu.

Turut terpakai, Pekeliling PTGS Bil. 3/2015 mengenai garis panduan pembatalan dan penggantian tanah untuk kemudahan awam atau kegunaan Kerajaan Negeri dan persekutuan di Selangor.

Katanya, usaha itu diiktiraf melalui penerimaan Sijil Penghargaan Amalan Terbaik Pengumpulan Data Tanah Rizab Melayu daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr Wan Azizah Wan Ismail semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 3 Disember 2018.

## Peluang belanja hingga 20 April

# Sambutan hangat jualan murah raya

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Orang ramai menyerbu Jualan Mega Ehsan Aidilfitri bermula 15 April di beberapa lokasi bagi membantu penduduk membeli barangan keperluan asas pada harga rendah.

Program sinambungan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) itu berlangsung enam hari di semua sembilan daerah melibatkan 23 lokasi terpilih sehingga 20 April.

Jualan kendalian Perbadanan Kemaajuan Pertanian Selangor, Fama Selangor

dan KoHijrah dijangka memanfaatkan 50,000 penduduk khususnya golongan berpendapatan rendah.

Tinjauan pada 15 dan 16 April mendapati kebanyakan pengunjung datang beberapa jam lebih awal sebelum program bermula manakala bahan jualan habis dalam masa singkat.

Untuk 17 April, ia dibuat mulai jam 4 petang di tapak pasar Ramadan Taman Banting Baru, Kuala Langat diikuti keesokannya di Wisma KoHijrah, Berjaya Park, Petaling (4 petang).

Program sama berlangsung pada jam

7 pagi pada 19 April di pasar tani kekal Puchong, Petaling dan keesokannya mulai waktu sama di surau Haji Kamaruddin, Klang.

Sempena sambutan Aidilfitri, Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak jenis barangan keperluan dalam program tersebut berbanding JER termasuk jualan 36,000 ayam.

Orang ramai menikmati subsidi 30 peratus harga barangan asas berbanding nilai pasaran menerusi jualan berkenaan. Jualan keseluruhan pula dianggarkan berjumlah RM1.5 juta.

# Penggerak masjid terima insentif

**SHAH ALAM** - Seramai 3,024 pentadbiran masjid melibatkan 432 masjid seluruh Selangor menerima insentif khas Aidilfitri RM2.3 juta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata nazir, imam, siak dan bilal menerima RM500 daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Beliau menambah jumlah sama turut dihulur kepada 1,687 guru rakyat di sekolah rendah agama dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

"Pemberian ini sebagai penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan dan tugas pentadbir masjid dan guru-guru rakyat.

"Mereka sentiasa memainkan peranan mengimarah masjid terutama ketika Ramadan, apatah lagi sebelum dan selepas bulan suci itu," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan majlis penyerahan insentif tersebut di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 13 April.

# Imam ceria terima bantuan khas

**SHAH ALAM** - Insentif khas Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penggerak masjid menceriaikan kumpulan itu menjelang sambutan hari raya.

Pengurus Imam 1 Masjid Darul Ehsan Subang Jaya Muhammad Halim Zamri mahu menggunakan sumbangan tersebut untuk menyediakan kelengkapan Aidilfitri buat keluarga.

"Syukur dapat juga, beri sedikit kepada ibu bapa sebagai duit raya. Terima kasih Kerajaan Negeri dan Dato' Men-

teri Besar yang sentiasa cakna kepada golongan seperti kami," katanya.

Nazir Masjid Nurul Amin di Kampung Merbau Sempak, Sungai Buloh Dato' Mohd Zaki Abdul Wahab berkata insentif itu menjadi galakan kepada petugas masjid untuk bekerja lebih gigih.

"Sudah tentu wang ini akan digunakan untuk persiapan hari raya. Dalam masa sama, ia menjadi pemangkin semangat kepada kami untuk meneruskan khidmat.

"Sebenarnya, kami tidak mengharap apa-apa ganjaran di dunia. Namun kalau mahu dihargai, kami terima. Ini sebahagian rezeki Allah," katanya yang juga hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Mereka antara 3,024 penggerak masjid yang menerima bantuan khas Aidilfitri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 13 April.

Seramai 1,687 guru rakyat di sekolah rendah agama dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) turut menikmati sumbangan tersebut.







# Salam Aidilfitri Maaf Zahir & Batin



**YAB Dato' Seri Amirudin Shari**  
**DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**  
**AHLI PARLIMEN GOMBAK**  
**ADUN SUNGAI TUA**

 **MALAYSIA MADANI**  **#KitaSelangor**



## Elak peningkatan semula Covid-19

**GOMBAK** - Orang ramai dinasihatkan supaya terus mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam sepanjang menyambut Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata individu yang bergejala atau kurang sihat disarankan tidak bertemu orang ramai bagi mencegah penularan Covid-19.

Beliau juga menyifatkan sambutan kali lebih bermakna berikutan tiada arahan perintah kawalan pergerakan sebagaimana tahun 2020 dan 2021.

"Tahun ini, kita merai bersama-sama tetapi saya nasihatkan hati-hati. Kalau tidak sihat atau ada simptom, jangan paksa diri.

"Memang ada kes baharu tetapi ia tidak berat tetapi kita perlu kekang terlebih dahulu," katanya lagi.

Terdahulu, beliau yang juga ahli parlimen Gombak menyampaikan sumbangan Aidilfitri peringkat tersebut bagi penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang dan DUN Gombak pada 9 April.

Menurut Kementerian Kesihatan, ada 11 kluster pendidikan dari 26 Mac hingga 1 April berikutan pembukaan sesi persekolahan selain pergerakan orang ramai pada musim cuti sekolah.

## Tambah baik bidang pendidikan

**SHAH ALAM** - Hala tuju baharu dirangka bagi memantapkan ekosistem pendidikan negeri selaras Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan penyusunan semula penting supaya pengurusan sektor tersebut lebih cekap, berkesan dan berdaya saing.

Beliau berkata usaha itu mampu menangani isu rakyat antaranya kos sara hidup, peluang kerja dan perniagaan selain memenuhi keperluan negeri serta negara pada masa depan.

"Kita mahu susun semula dan pastikan program pendidikan yang ditawarkan kepada rakyat benar-benar bermanfaat sekali gus sampai kepada hala tuju," katanya pada 10 April.

# Jalin kerjasama tangani wabak

**SUBANG JAYA** - Kerjasama baik antara Kerajaan Negeri dan jabatan kesihatan antara faktor Selangor dapat mengharungi cabaran mendepani pandemik Covid-19.

Dato' Menteri Besar berkata negeri ini merupakan lokaliti paling buruk ketika negara dilanda wabak dalam pelbagai aspek termasuk peningkatan kes, jumlah kematian atau kesesakan di hospital.

"Saya masih ingat bermula 2020 hingga 2021 bersama exco kesihatan

awam dan pengarah kesihatan Selangor, kami sentiasa cuba beberapa kaedah selain melihat pendekatan untuk tangannya.

"Kerajaan Negeri sentiasa menambah baik apa yang ada seperti lakukan saringan di lokaliti-lokaliti, diikuti vaksinasi. Kita beli hampir 700,000 vaksin manakala jutaan daripada persekutuan.

"Tidak ketinggalan kita juga jadi rujukan iaitu pusat kuarantin Maeps yang turut menjadi pusat rawatan, hospital dan kecemasan sementara.

Tanpa kerjasama semua jabatan kesihatan negeri, tidak mungkin kita dapat harungi dan lepassi Covid-19," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, beliau membuka bersama 500 petugas barisan hadapan kesihatan di Hospital Serdang di sini pada 9 April.

Menurut Amirudin, kesan daripada pandemik Covid-19, pihaknya juga menambah portfolio kesihatan awam di bawah EXCO Dr Siti Mariah Mahmud.

## Pelindungan untuk penerima beragama Islam

# Polisi patuh syariah mulai Mei

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**GOMBAK** - Polisi penerima Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang beragama Islam akan ditukar kepada konsep Islamik mulai Mei.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perincian untuk pertukaran skim insurans percuma itu diumumkan dalam masa terdekat.

"Kerajaan Negeri putuskan mulai Mei boleh laksanakan pertukaran. Nanti saya

akan lancarkan bagaimana perinciannya.

"Yang muslim kita akan tukar (polisi Islamik) manakala bukan muslim kekal konvensional. Ia bertukar secara automatik tetapi akan maklumkan kemudian dalam masa terdekat," katanya.

INSAN adalah polisi insurans kemandiri kumpulan untuk penduduk berusia antara 30 hari sehingga 80 tahun yang premiumnya ditanggung sepenuhnya Kerajaan Negeri.

Menyasar enam juta penduduk Selangor, skim itu memberi perlindungan

sehingga RM10,000 bagi kes hilang keupayaan kekal dan kematian akibat nahas.

Pemegang kad pengenalan kod negeri atau beralamat di Selangor selain pengundi di negeri ini layak mendaftar insiatif itu mulai 1 Oktober tahun lalu hingga 30 September tahun depan.

Pendaftaran boleh dibuat dengan memuat turun aplikasi e-dompet Wavpay melalui App Store atau Google Play. Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui pautan [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

# Tabung infak bantu asnaf, mualaf

**GOMBAK** - Lebih 250 anak yatim, asnaf dan mualaf sekitar daerah ini menerima sumbangan wang tunai RM1,000 setiap seorang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan berbentuk tunai itu hasil infak orang ramai kepada tabung Masjid al-Khairiyah Taman Sri Gombak selama setahun.

"Ini bukan sahaja menunjukkan ke-

mampuan kewangan tetapi kesediaan orang ramai menginfak serta menyumbangkan melalui tabung masjid. Saya harap orang ramai terus memanfaatkan institusi masjid.

"Ini perkara membanggakan kerana begitu makmur dan percaya masyarakat terhadap institusi masjid. Saya sangat bangga dengan kemakmuran yang ditunjukkan masjid," ka-

tanya pada 9 April.

Penerima Halimatul Mohd Nasib, 45, bersyukur atas sumbangan bantuan yang meringankan beban mereka sekeluarga untuk menyediakan kelengkapan hari raya.

"Terima kasih di atas sumbangan ini, setidak-tidaknya membantu saya membeli baju raya anak-anak selain membuat persiapan sekolah," katanya.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	
20 Khamis	5:47	5:57	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:16	4:29	7:20	8:31	5:49	5:59	7:07	1:17	4:30	7:23	8:33	
21 Jumaat	5:47	5:57	7:05	1:15	4:28	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:15	4:30	7:20	8:31	5:49	5:59	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33	
22 Sabtu	5:47	5:57	7:05	1:15	4:29	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:15	4:30	7:20	8:31	5:49	5:59	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33	
23 Ahad	5:46	5:56	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:15	4:30	7:20	8:31	5:48	5:58	7:06	1:17	4:31	7:23	8:33	
24 Isnin	5:46	5:56	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:15	4:30	7:20	8:31	5:48	5:58	7:05	1:17	4:31	7:22	8:33	
25 Selasa	5:45	5:55	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:15	4:31	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33	
26 Rabu	5:45	5:55	7:04	1:14	4:30	7:20	8:31	5:46	5:56	7:05	1:15	4:31	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33	
27 Khamis	5:45	5:55	7:03	1:14	4:30	7:20	8:31	5:46	5:56	7:04	1:14	4:31	7:20	8:31	5:47	5:57	7:05	1:16	4:32	7:22	8:33	
28 Jumaat	5:44	5:54	7:03	1:14	4:30	7:20	8:31	5:46	5:56	7:04	1:14	4:31	7:20	8:31	5:46	5:56	7:04	1:16	4:32	7:22	8:33	
29 Sabtu	5:44	5:54	7:03	1:13	4:30	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:14	4:31	7:20	8:31	5:46	5:56	7:04	1:16	4:33	7:22	8:34	
30 Ahad	5:44	5:54	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:14	4:32	7:20	8:31	5:46	5:56	7:04	1:16	4:33	7:22	8:34	
01 Isnin	5:44	5:54	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:14	4:32	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:16	4:33	7:22	8:34	
02 Selasa	5:43	5:53	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:14	4:32	7:20	8:31	5:45	5:55	7:04	1:15	4:33	7:22	8:34	
03 Rabu	5:43	5:53	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31	5:44	5:54	7:03	1:14	4:32	7:20	8:31	5:45	5:55	7:03	1:15	4:34	7:22	8:34	

WAKTU SOLAT  
20 APRIL - 3 MEI 2023  
29 RAMADAN - 12 SYAWAL 1444

Waktu terbuka





Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan kepada asnaf ketika merasmikan Masjid Taman Alam Jaya sempena program berbuka puasa di Puncak Alam, Kuala Selangor pada 8 April. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Syukur nikmat keamanan

# Masjid jadi pusat perpaduan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

**SABAK BERNAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menitahkan nazir dan imam masjid dan surau supaya memastikan institusi itu memainkan peranan sebagai pusat perpaduan umat Islam.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah masjid dan surau harus menjadi pusat ibadah, dakwah, pengajian dan program kemasyarakatan, bukan diperguna untuk kepentingan golongan tertentu.

Baginda bertitah umat Islam perlu memperkukuh persaudaraan dengan mengelak permusuhan meski wujud perbezaan pandangan politik atau pendekatan pentadbiran negara.

"Beta mengharapkan agar perbezaan ini tidak menjadi punca dan pencetus kepada perpecahan, pertelingkahan dan permusuhan di kalangan umat Islam amnya dan orang Melayu khususnya," titah Baginda.

Baginda bertitah dalam majlis perasmian Masjid Al-Ma'arufiah Parit Baru, Sungai Air Tawar di sini pada 14 April. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah.

Sultan Selangor juga menitahkan

umat Islam termasuk orang Melayu supaya mensyukuri nikmat keamanan dan kehidupan selesa, apatah lagi ada institusi masjid dan surau untuk beribadat bersama.

"Institusi masjid dan surau ini sewajarnya dijadikan sebagai satu platform untuk kita berbaik pakat sesama umat Islam tanpa mengira perbezaan pangkat, kedudukan, perbezaan pandangan malah fahaman politik masing-masing," titah Baginda.

Baginda juga mengulangi penegekan titah sebelum ini supaya memastikan institusi berkenaan tidak menjadi medan propaganda sekali gus bebas dari pengaruh politik kepartian.

"Masjid dan surau tidak seharusnya menjadi tempat membina jurang pemisah atas dasar perbezaan fahaman politik dan dendam politik.

"Kuliah agama di masjid dan surau tidak sepatutnya dijadikan medan atau gelanggang untuk menghina, mengumpat, menabur fitnah dan mencaci mana-mana pihak," titah Baginda.

Dalam titah sama, Baginda menyeru rakyat keluar menunaikan tanggungjawab memilih pemimpin yang amanah, bertanggungjawab dan tidak mengamalkan rasuah dalam pilihan raya negeri (PRN) pada Jun atau Julai depan.

## Susun tangga gaji guru agama

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bakal membuat pelarasan semula gaji guru sekolah rendah agama dan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dari segi gaji dan pangkat berbanding guru di Kementerian Pendidikan.

"Kita sedang mempertingkatkan pendidikan agama di negeri ini. Semalam (12 April) kita luluskan kertas kerja (cadangan pelarasan gaji) yang dipohon Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Ini supaya tangga gaji dan kedudukan pangkat disusun semula. Kita dapati guru Kafa alami waktu lama untuk mendaki tangga gaji berbanding rakan di kementerian," katanya pada 13 April.

Beliau menambah pentadbiran negeri turut menaikkan elaun minimum RM1,500 kepada semua guru sebelum sambutan Aidilfitri.

Pada November tahun lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan pelarasan elaun minimum guru Kafa sebanyak RM1,500 sebulan sebagai menghargai peranan 2,825 guru Kafa di Selangor yang masih dibayar elaun serendah RM1,350 sebulan.



UNIT BUMIPUTERA DIBUKA UNTUK JUALAN



### RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT

- Luas Binaan : 2,129 kps
- Saiz Tanah : 42' x 80'
- Jumlah Unit Bumiputera : 8 unit
- Harga Bumiputera : RM1,526,200 (Min)
- Diskaun Bumiputera : 7%
- PEGANGAN BEBAS

### Galeri Jualan

Level 1, Wisma DRB-Hicom, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, Shah Alam, Selangor

03 2052 8500



Glenmarie Cove Ph 2021-4  
 Alamie, Glenmarie Cove Development Sdn. Bhd. (570948-T) Ara 1, Wisma DRB-Hicom, No. 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor. No. Lesen Pemaju: 9364-5/02-2026-0659 (R) - Tempoh Sab-23/2/2023 - 22/2/2026. No. Permit Iklan dan Jualan: #344-4/02-2024-0716 (R) (L). - Tempoh Sab-18/2/2023 - 17/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MPK-BGN-600-4/1/0097(2018). Harga Jualan: RM1,526,200 (min) - RM1,853,800 (maks). \* Bilangan Unit: Jenis Rumah: Rumah Berkenan 1.5 Tingkat. Tarikh Dijangka Siap: Jun 2023. Peggangan Tanah: Kaki. - Hebatan Tanah: Disajikan kepada Bank Kejasama Rakyat Malaysia Berhad, Seksyen Keperungan Tuala. - Diskaun Bumiputera: 7%  
 Ph212A-5. No. Lesen Pemaju: 9364-5/02-2023-01877(1). Tempoh Sab-23/2/2022 - 22/2/2025. No. Permit Iklan dan Jualan: 9364-5/02-2024-0765 (R) (L). Tempoh Sab-23/2/2022 - 22/2/2024. Pihak Berkuasa (PBT): Majlis Perbandaran Klang. No. Rujukan Pelan: MPK-BGN-600-4/1/0097(2018). Harga Jualan: RM1,526,200 (min) - RM1,853,800 (maks). \* Bilangan Unit: 8. Jenis Rumah: Rumah Berkenan 1 1/2 Tingkat. Tarikh Dijangka Siap: Jun 2023. Peggangan Tanah: Kaki. - Hebatan Tanah: Disajikan kepada Bank Kejasama Rakyat Malaysia Berhad, Seksyen Keperungan Tuala. - Diskaun Bumiputera: 7%.



## Khidmat van transit percuma mulai Mei

**GOMBAK** - Kemudahan perkhidmatan van transit atas permintaan (DRT) untuk penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua secara percuma bulan depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkhidmatan itu memudahkan penduduk di kawasan yang tiada perkhidmatan bas Smart Selangor.

"Kita akan tambah bas dan van pengangkutan untuk bawa penduduk dari kawasan atau jalan kecil ke jalan besar laluan bas Smart Selangor supaya penduduk boleh guna perkhidmatan bas percuma.

"Kita sudah pilih satu atau dua laluan dan ia bergantung kepada kesesuaian sebelum beroperasi bulan depan atau Jun nanti," kata beliau pada 13 April.

## Serah RM29.2 juta bantuan zakat

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bantuan RM28.9 juta kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk kemudahan elau guru Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Mohd Sarbini menjelaskan bantuan pendidikan RM82,730 pula diberi kepada dua pelajar asnaf yang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Beliau menambah mereka ialah Syed Zulfazri Syed Zuhairi yang mengikuti pelajaran di Universiti Sains dan Pengurusan (MSU) dan Nur Azmina Mohd Isno (Kolej SEGI).

"Selain itu, Norhasanah Ramlee dan Tuan Herman Mat Wahi yang juga asnaf fakir dan miskin masing-masing menerima bantuan pembinaan rumah baharu bernilai RM113,000 sebuah," katanya.

Mohd Sabrini berkata sumbangan tersebut meliputi 2.5 peratus zakat yang diamanahkan kepada LZS untuk disalurkan kepada golongan memerlukan.

## Tingkat kemahiran latihan industri

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (Unisel) melalui Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran (FCVAC) menjalin kerjasama dengan Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (PHCDC) bagi memartabatkan kemahiran industri pelajar.

Presiden dan Naib Canselornya Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata usahasama meliputi aspek latihan industri pelajar dan peluang penyerapan pekerjaan.

"Kerjasama ini memberi dampak terhadap kefahaman industri khususnya buat pensyarah dan pelajar FCVAV serta kakitangan Pusat Teknologi Maklumat.

"Saya yakin ia dapat memberi banyak manfaat terhadap kedua-dua pihak, lebih-lebih lagi dalam pelbagai program profesional kendalian PHCDC antaranya Analisis Data Raya dan Pembelajaran Mesin," katanya baru-baru ini.

## Catat jualan RM39,734 guna TikTok

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM39,734 jualan terkumpul dicatat dalam dua minggu sesi pertama kursus pemasaran menerusi aplikasi TikTok anjuran Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

Pengurus Pembangunan Usahawannya Elyani Iza Zuber berkata inisiatif Unit Pembangunan Usahawan Hijrah itu membantu peniaga meningkatkan jualan dan pendapatan secara dalam talian.

"Kursus ini dibuat supaya mereka dapat uruskan perniagaan menerusi media sosial mengikut trend pemasaran video memandangkan TikTok antara platform tumpuan ramai untuk membeli-belah.

"Kita sasar untuk anjurkan empat kursus latihan pada tahun ini dengan dua daripadanya telah diadakan sebelum Ramadan dan menarik 82 penyertaan," katanya pada 11 April.

Beliau berkata perkembangan itu membuktikan latihan tersebut membuka satu lagi saluran untuk mempromosi produk sekali gus usahawan berupaya membayar semula pembiayaan pinjaman.

"Hijrah turut menawarkan kursus berbentuk 'booster' dengan menyediakan lima modul menerusi kerjasama beberapa agensi agar usahawan dapat menambah ilmu," katanya.

### Pupuk amalan tradisi

# Rewang Aidilfitri tiga daerah

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

**SHAH ALAM** - Program Jom Rewang Sekampung Aidilfitri melibatkan tiga daerah pada tahun ini bertujuan menghidupkan semula tradisi dalam kalangan masyarakat.

EXCO Kampung Tradisi Borhan Aman Shah berkata penganjuran di Klang, Sabak Bernam dan Gombak memastikan golongan muda merasai suasana gotong-royong yang diselangi pelbagai kegiatan lain.

"Rewang selama dua hari satu malam iaitu masyarakat berkumpul untuk memasak. Selepas itu, bersama-sama menikmati hidangan pada sebelah malam

dalam kenduri sekampung.

"Kita mahu kekalkan tradisi ini supaya masyarakat khususnya generasi muda tahu gotong-royong wujud sekian lama untuk mengekal perpaduan semua lapisan masyarakat," katanya.

Terdahulu, beliau menjadi tetamu segmen Komentari@SPM yang disiarkan menerusi Selamat Pagi Malaysia (SPM) Nadi Seri Pagi melalui saluran TV1 pada 13 April.

Menjelaskan penganjuran itu sinambungan Jom Rewang Sekampung pada tahun lalu, beliau berkata Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dijadual mencemar duli ke Klang.



## Dua daerah jadi pusat aktiviti

**SHAH ALAM** - Dua daerah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai pusat kegiatan setempat luar bandar dikenali Smart Desa Bistari.

EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah menjelaskan Sabak Bernam dan Kuala Langat menjadi

projek rintis dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN-Malaysia).

"Kita bangunkan semula kawasan balai raya atau bangunan terbiar untuk kegiatan setempat. Kita akan adakan kelas tuisyen dan kelas komputer untuk

kegiatan luar bandar.

"Ini antara projek yang pertama kali diadakan di Selangor dan ia akan dirasmikan bulan depan," katanya pada 13 April.

Borhan juga tidak menolak kemungkinan projek tersebut diperluaskan ke seluruh negara pada masa depan.

## Khidmat pindah wang antarabangsa

**SHAH ALAM** - Wavpay Fintech Holding Sdn Bhd (Wavpay) memeterai usaha sama dengan Sunway Money Sdn Bhd (Sunway Money) bagi membangunkan sistem perkhidmatan pindah wang antarabangsa.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerjasama itu menyaksikan Sunway Money menjadi penyedia perkhidmatan tersebut menerusi aplikasi e-dompot yang dikenali Wavpay.

"Ia menyaksikan kedua-dua pihak

bekerjasama mengembangkan lagi industri teknologi kewangan dan mencipta lebih banyak peluang pendigitalan," katanya.

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dan pertukaran dokumen antara kedua-dua pihak itu di bangunan pentadbiran negeri pada 10 April.

Menyasar usahawan antarabangsa, pelajar luar negara dan pekerja asing, Amirudin berkata transaksi dibuat 24 jam dan penerimaan wang dalam

masa lebih singkat berbanding perbankan biasa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Wavpay Brahma Shakthi berkata pihaknya merekod pindahan wang daripada warga asing ke luar negara bernilai RM30 bilion sepanjang tahun lalu.

"Negara yang merekod transaksi terbanyak adalah Indonesia, Bangladesh dan Nepal. Sebab itu, sasaran utama kita sekarang adalah pekerja warga asing," katanya.





**KEAGUNGAN ILAHI...** Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama pimpinan Kerajaan Negeri ketika rakan takbir raya di Kampung Sungai Leman, Sabak Bernam pada 2 April. Foto FIKRI YUSOF

Jualan Mega Ehsan Aidilfitri

# Lengkap keperluan keluarga B40

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Jualan Mega Ehsan Aidilfitri antara 15 hingga 20 April depan melengkapkan keperluan raya keluarga berpendapatan rendah (B40).

Marjuni Marjan, 71, berkata harga ditawarkan pada program Kerajaan Negeri itu lebih murah berbanding pasaran sekali gus meringankan beban perbelanjaan.

"Harga sangat berbeza. Pakcik beli ayam, daging, telur dan minyak dengan harga RM55. Kalau tempat lain mungkin lebih tambah-tambah lagi nak raya. Harga mesti naik.

"Program ini perlu diadakan selalu terutama di kawasan bandar. Bukan semua berduit. Dekat sini ramai kerja biasa jadi kami perlu dibantu," kata pesara Majlis Bandar Raya Shah Alam di Seksyen 24 di sini pada 15 April.

Kakitangan swasta, Norazlin Mat Zawawi, 45, pula bangga dengan inisiatif Kerajaan Selangor membantu rakyat ketika negara berdepan isu kenaikan barang.

"Tindakan ini sangat membantu kami. Banyak harga barang dapur sudah naik dan beri kesan. Bila beli di program ini, memang dapat berjimat.

"Ini kali kedua saya sertai jualan eh-

san. Walaupun harga ditawarkan murah tetapi produk berkualiti dan segar," katanya.

Hari pertama program sama turut berlangsung di perkarangan Masjid As-Syakirin, Jenderam Hilir; Pasar Tani Kelana Jaya, Pasar Tani Saujana Utama dan Kompleks Penghulu Mukim Hulu Bernam dari 7 pagi hingga 12 tengah hari.

Manakala di Dataran Tonggak 10, Sungai Besar; Dataran Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat (Kuala Langat) dan tapak Jalan Kantan (Petron) Bukit Sentosa bermula jam 8 pagi hingga 8 malam sementara Laman Niaga Usahawan KoHijrah Shah Alam (4 hingga 6 petang).

Program itu menyediakan bekalan ayam sebanyak 36,700 ekor pada harga RM10 seekor, 12,000 papan telur (RM10 sepapan), 9,900 kampak beras (RM10), 6,100 botol minyak masak (RM25) dan 12,100 pek daging (RM10).

Sementara itu, Ahli Majlis Zon 8 Aishah Mohd Zain memohon Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menganjurkan program sama sekali lagi di sini menjelang sambutan hari raya.

Beliau berkata usaha itu membantu penduduk mendapat barangan asas murah kerana majoritinya golongan B40.

## Terima lebih RM3 juta zakat niaga

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima zakat perniagaan RM3.3 juta daripada 47 syarikat selain individu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata semua syarikat itu juga menerima pengiktirafan Muzakki (Iktiraf) kerana membantu LZS membantu asnaf melalui pembayaran zakat.

Maybank Islamic Berhad mengeluarkan zakat RM623,138 diikuti Little Caliphs International Sdn Bhd (RM600,000), Bawal Exclusive Sdn Bhd (RM328,659) dan KPJ Selangor Specialist Hospital Sdn Bhd (RM250,000).

Selain itu, Koperasi Seri Cheeding Berhad (RM207,750), KPJ Kajang Specialist Hospital Sdn Bhd (RM150,000), Kenanga Investment Bank Berhad (RM145,581), Future Sdn Bhd (RM143,812) dan Yayasan Guru Malaysia Berhad (RM120,737.76).

Mohd Sabirin menambah setakat ini hanya 30 peratus syarikat menunaikan zakat berkenaan selain masih membuka peluang kepada mana-mana syarikat berbuat demikian.

"Mungkin ada kekangan terutama apabila sesebuah syarikat itu mempunyai ramai pemegang saham yang perlu mendapat persetujuan semua selain faktor kewangan syarikat," katanya.



### Kemudahan Ala Resort Di Kediaman Anda



**Progress Terkini**



Gambaran Sebenar

**Unit Bumiputera yang terhad**

**7% Diskaun untuk Bumiputera**

**Tanpa Kos Guaman SPA & Pinjaman dan Banyak Lagi Pakej Menarik!**

**200m ke Stesen LRT3**

Hubungi +603 3162 3322  
www.triobysetia.com.my

Stay Together. Stay Setia  
livelearnworkplay

TRIO SALES GALLERY  
15-C, Jalan Remia 2/K56, Bandar Botanik,  
41200 Klang, Selangor, Malaysia.  
E: trio\_sales@setia.com.my



Detailed project information and legal disclaimer text.





## Di sebalik Selalu Ada

Drama terbitan Kerajaan Selangor mengisahkan cabaran tiga sahabat untuk melanjut pengajian ke menara gading. Karya itu menemui penonton pada awal Syawal di saluran TV2



Oleh NAZLI IBRAHIM, ZAREEF MUZAMMIL & SHEEDA FATHIL  
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

**P**elakon terkenal Sophia Albarakbah menganggap drama Selalu Ada yang dijadual menemui penonton jam 9 malam pada 3 Mei di saluran TV2 sarat mesej kekeluargaan dan persahabatan.

Bekas model berusia 29 tahun menyifatkan karya yang turut memaparkan kepentingan bantuan sesebuah kerajaan kepada orang ramai wajar ditonton seisi keluarga dalam sambutan Syawal.

"Ada mesej tentang persahabatan, kekeluargaan dan macam mana sesebuah negeri membantu rakyatnya. Ceritanya mudah tetapi beri mesej berguna," katanya kepada Selangorkini.

Memegang watak sebagai Jasmin yang kerap dilanda kemurungan, beliau yang sering menjadi 'pelakon air mata' tidak kekok berlakon sebagai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

**Ada mesej tentang persahabatan, kekeluargaan dan macam mana sesebuah negeri membantu rakyatnya. Ceritanya mudah tetapi beri mesej berguna**

Lepasan bidang bioteknologi dan dietetik di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) itu juga menganggap dirinya bertuah kerana mendapat keserasian semasa hari pertama penggambaran pada 4 April.

Sophia bersama pelakon lain antaranya Zarul Iman dan Syafie Naswip juga berkumpul, membaca dan menghayati skrip bersama bagi menghidupkan watak masing-masing.

Erra Fazira atau nama sebenar Fazira Wan Chek yang berpengalaman luas dalam dunia seni juga selesai bekerjasama dengan mereka.

"Keserasian itu boleh dicipta di set penggambaran. Perkara itu tiada masalah walau kita baharu bersua muka," katanya yang memegang watak Jayana, kakak kepada Jasmin.

Tidak seperti Sophia yang memegang watak

utama, bekas Ratu Cantik Malaysia 1992 yang kini berusia 49 tahun pula hanya berlakon babak beberapa minit dalam drama berkenaan.

"Jayana sentiasa jadi penyokong kepada adiknya Jasmin yang baharu tamat sekolah dan mahu sambung pelajaran," katanya merujuk kepada peranan wataknya.

Drama 45 minit arahan Che Mie (**gambar**) terbitan Kerajaan Selangor mengisahkan cabaran yang ditempuhi tiga sahabat untuk melanjut pengajian ke menara gading. Karya tersebut juga

menyelitkan pelbagai bentuk bantuan yang disediakan pentadbiran negeri kepada segenap lapisan masyarakat berpendapatan rendah.

Kerajaan Selangor menyediakan peruntukan RM600 juta setahun untuk menjayakan Iltizam Selangor Penyayang (ISP) bagi memastikan kebajikan rakyat terbelas menerusi lebih 40 pakej





bantuan.

Program itu memanfaatkan kanak-kanak, wanita, pelajar, orang kurang upaya, petani dan peniaga kecil dalam pelbagai bidang termasuk kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

ISP disusun semula dari program kebajikan Merakyat Ekonomi Selangor yang bermula dari tujuh tawaran bantuan pada pilihan raya 2008 supaya kehidupan rakyat terbela.

Pada tahun lalu dan sebelumnya, Kerajaan Selangor menerbitkan program Senandung Aidilfitri bagi mengisi sambutan raya berikutan dampak pandemik Covid-19.

Pada kali ini, Dato Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO negeri Borhan Aman Shah turut membuat penampilan khas.

### Serasi

Pelakon lain Syafie Naswip yang membawa watak Faqih, seorang yang ceria, positif dan bijak menyembunyikan emosi, mengakui mudah serasi dengan Sophia meski pertama kali bergandingan.

"Dengan Zarul Imran banyak kali berlakon (bersama) tetapi dengan Sophia pertama kali. Jadi, kami bina keserasian dengan sembang dan hafal skrip bersama-sama tetapi ikut cara masing-masing.

"Mahu cari keserasian ada banyak cara. Kalau

masa panjang lebih bagus tetapi kalau tidak, perlu raptai banyak kali untuk cari tempo yang betul," kata artis berusia 31 tahun itu.

Teruja berlakon dalam drama dengan kerjasama Kerajaan Selangor, Syafie juga mengakui seronok membawa watak Faqih yang tidak mudah menunjukkan kesedihannya kepada orang lain.

"Dia (Faqih) hargai situasi sakit atau perpisahan tetapi kalau boleh dia mahu kawan-kawan dia 'move on' sebab insya-Allah nanti boleh jumpa lagi," katanya mengulas perwatakan Faqih.

Zarul pula ada cara tersendiri bagi mendapat keserasian dengan pelakon lain. Beliau beramah mesra dengan pelakon dan kru bagi meraih keyakinan ketika beraksi depan kamera.

"Saya jalinkan hubungan baik atau sesuaikan diri dengan tegur semua orang walau tidak kenal mulanya. Buang sifat sombong dan angkuh sebaliknya rendah diri, ramah dengan semua orang.

"Apabila kita kenal semua orang dan mesra, kita akan rasa lebih yakin. Daripada situ, kita dapat keserasian dengan pelakon lain," katanya sambil mengajak anak muda menonton drama itu.

Dalam karya tersebut, Zarul membawa watak Salahuddin, seorang yang naif, baik dan alim.

"Paling banyak menonjolkan perwatakan dia dalam cerita ini adalah sifatnya menghormati orang lebih tua," katanya yang sebelum ini kerap membawa watak orang jahat atau nakal.





**Rumah Terbuka**

**Jajahan #KitaSelangor**

1444H / 2023M **Aidilfitri**

**DAERAH SEPANG**

  
**Jumaat | 28 April 2023**  
 8.00 Malam - 11.00 Malam

  
**Tapak Pasar Pagi**  
 Pekan Salak

**DAERAH HULU SELANGOR**

  
**Sabtu | 29 April 2023**  
 8.00 Malam - 11.00 Malam

  
**Padang Taman**  
 Awam Hulu Bernam

**DAERAH KLANG**

  
**Ahad | 30 April 2023**  
 8.00 Malam - 11.00 Malam

  
**Padang Taman**  
 Sri Kerayong



 amirudinshari
  amirudin\_shari
  @AmirudinShari
  amirudinshari
  amirudinshari.com
 #SelangorMajuBersama #KitaSelangor

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)



# Kenapa tengok anak bulan?

Oleh DATO' SETIA PROF MADYA DR ANHAR OPIR

**A**tas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, saya selaku Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor ingin menasihatkan umat Islam khususnya dalam Negeri Selangor untuk menghormati semua proses yang telah ditetapkan serta menyerahkan tanggungjawab menentukan permulaan 1 Syawal 1444H kepada pihak berautoriti.

Islam telah menetapkan kaedah yang jelas dalam penentuan awal Ramadan dan awal Syawal. Kaedah utama yang dianjurkan sebagaimana nas al-Quran dan hadis Nabi SAW adalah berdasarkan ru'yah hilal atau melihat anak bulan.

Hanyasanya jika hilal tidak kelihatan disebabkan mendung atau berawan, maka dalam hal ini terdapat perbezaan pandangan ulama dalam menerima hisab ahli-ahli falak.

Malaysia telah mengamalkan penggunaan Kriteria Imkan ar-Ru'yah dalam penentuan awal bulan Islam termasuklah bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah sejak tahun 1992.

Kriteria ini telah ditambah baik

bermula bulan Muharam 1443H setelah kajian semakan semula data-data hilal dilakukan bagi tempoh 30 tahun.

Imkan ar-Ru'yah sebagaimana dipersetujui dalam Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) adalah hilal dianggap boleh kelihatan apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

Ketika matahari terbenam tinggi hilal tidak kurang 3 darjah dan elongasi matahari bulan tidak kurang 6.4 darjah.

Menurut kriteria ini, apabila kedudukan hilal memenuhi kriteria yang ditetapkan pada tanggal 29 hari bulan hijriah maka keesokannya dianggap sebagai permulaan bulan baharu.

Namun, jika tidak kelihatan maka keesokannya disempurnakan menjadi 30 hari bulan.

## Tertakluk pengisytiharan

Kriteria ini dibangunkan berdasarkan pemerhatian yang berterusan terhadap data-data dan rekod kenampakan hilal di seluruh dunia.

Ia adalah kaedah alternatif menurut ilmu falak dalam membentuk satu takwim hijriah yang sistematik dan saintifik serta tidak bertentangan

dengan kehendak syarak termasuklah dalam menentukan permulaan Ramadan dan Syawal.

Bagaimanapun, permulaan awal Ramadan dan Syawal di Malaysia adalah tertakluk kepada pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Sebagai makluman, prinsip melihat anak bulan merupakan kaedah yang disyariatkan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185. Maksudnya:

“Barangsiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan (atau mengetahuinya), maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu.”

Begitu juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda, maksudnya:

“Janganlah kalian berpuasa sehingga melihat hilal, jangan pula kalian berbuka sehingga melihatnya, jika kalian terhalang oleh awan, maka sempurnakanlah hitungannya.” (Riwayat al-Bukhari)

Hitungan ahli-ahli falak adalah sesuatu yang bersifat tidak muk-tamad dalam penentuan 1 Syawal

khususnya.

Keputusan akhir adalah pengumuman oleh Penyimpan Mohor Besar Raja Raja selaku pihak berkuasa yang diamanahkan oleh Majlis Raja-Raja pada malam tersebut tertakluk kepada hasil aktiviti cerapan anak bulan di 29 buah lokasi yang telah ditetapkan.

Permulaan awal bulan Islam bergantung kepada kenampakan hilal dan data-data kedudukan bulan pada tarikh cerapan di satu-satu negara.

Setiap negara mempunyai matla' ru'yah yang berbeza dan penentuan awal Syawal di satu-satu negara tidak tertakluk kepada hasil kenampakan hilal di negara lain atau data-data kedudukan hilal di negara lain.

Sebagai penegasan, bilangan hari dalam sebulan menurut kalendar Islam adalah sama ada 29 atau 30 hari sahaja. Maka, adalah dinasihatkan untuk masyarakat Islam kekal tenang dalam keadaan harmoni menunggu pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada 29 Ramadhan 1444H bersamaan 20 April 2023.

*Kenyataan Mufti Selangor pada 7 April menjawab teka-teki kemungkinan Aidilfitri sehari lebih awal daripada yang dijangkakan*



## RAGAM





# PUTERI • **Ariana**

Rumah Teres 2 Tingkat

# AKAN DATANG



4 Bilik Tidur,  
3 Bilik Air



Berkonsepkan  
'Open Space'



Rekabentuk  
Moden Tropika



Kemudahan  
Akses

Di Pusat Pertumbuhan:



**KOTA PUTERI**  
CROWN CITY

\*Gambar ilustrasi pelukis

010-928 0187  
03 5022 0188



[pkns.gov.my](http://pkns.gov.my)

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor  
PKNS OFFICIAL

**PKNS**  
**HOMES**

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Bahagian Jualan Hartanah, Tingkat 3, Blok B, No.2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. lesen pemaju: 9062/11-2023/0780(A) Tarikh sah: 04.11.2021-03.11.2023 No.permit iklan & jualan: 9062-121/04-2025/0403(N)-(L). Tarikh sah: 05/04/2023 sehingga 04/04/2025. Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Selangor. No. kelulusan pelan: Bll (12) dlm. MPS.3/2-1371/455 (OSC) PB (A) F4C Status hakmilik: Pajak selama 84 tahun berakhir pada 14 September 2104. Bebanan tanah: Tiada. Tarikh jangka siap: Disember 2025. Jenis rumah: Rumah Teres 2 Tingkat. Bilangan unit: 24 unit (20' x 70') Harga minima: RM649,000 Maksima: RM822,800 Bilangan unit: 48 unit (22' x 75') Harga minima: RM738,100 Maksima: RM838,200 Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.





Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**D**alam tempoh lima tahun sejak 2018, kira-kira RM1.4 bilion disediakan Kerajaan Selangor untuk memajukan syiar Islam di negeri ini.

Jumlah tersebut termasuk RM423.99 juta yang disalurkan kepada sekolah agama, masjid dan surau serta insentif tambahan antara 2019 hingga 2022.

Sekolah agama paling banyak menerima peruntukan tahunan. Dana RM96.5 juta diperuntuk pada 2019 diikuti RM96.6 juta (2020), RM98.7 juta (2021) dan RM102.3 juta pada 2022.

Pada masa sama, sebanyak RM185 juta lagi disediakan untuk membina dan membaik pulih 78 masjid dan 75 surau, sekali gus menunjukkan kesungguhan negeri memartabat dakwah Islam.

Tidak dilupakan, kebajikan 34,339 penggerak masjid dan surau. Dari nazir, imam, bilal hingga siak, insentif khas Aidilfitri RM13.4 juta dihulur antara 2019 hingga 2023.

Seramai 1,687 guru agama rakyat turut menikmati ganjaran sama pada tahun ini. Mengikut Belanjawan Selangor 2023, peruntukan RM583 juta disalurkan untuk pembangunan

# Kenang jasa teraju masjid

hal ehwal Islam.

Pada 2019 dan 2020, nazir dan dua imam rawatib, bilal dan siak masjid menerima imbuhan raya RM400 seorang. Pengerusi, dua imam dan masing-masing bilal dan siak surau pula RM300.

Ganjaran itu dinikmati 2,730 individu dari 400 masjid dan 10,250 orang dari 2,050 surau menerima manfaat sumbangan khas keseluruhan RM4.17 juta setahun dalam tempoh berkenaan.

Mulai 2021 hingga 2023 pula, insentif raya yang dinaikkan daripada RM400 kepada RM500 seorang disalurkan kepada nazir dan dua imam, bilal serta siak rawatib. (rujuk jadual)

Imam dan siak rawatib dipilih kalangan ahli kariah masjid dan bukan lantikan Majlis Agama Islam Selangor.

Tinjauan pada 6 April mendapati mereka gembira atas insentif itu sekali gus mendorong untuk berkhidmat lebih baik kepada anggota kariah masing-masing.

Berikut reaksi mereka:



“Dengan pemberian ini, kita lebih bersemangat berkhidmat dan komited dengan tugas. Ia dapat menambah perbelanjaan hari raya. Boleh tambah duit raya cucu kalau ada lebih dan sebahagian lagi infak.”  
**Ahmad Pauzi Mhd Noor**, 64, nazir Masjid Al-Hidayah Seksyen 18, Shah Alam

“Ia boleh meringankan perbelanjaan maklumlah dekat dengan perayaan Aidilfitri, nak balik kampung, duit minyak, duit raya kepada anak buah, untuk perbelanjaan keluarga pula.”


**Mohd Hidayah Dol Hamid**, 34, imam Masjid Al-Hidayah Seksyen 18, Shah Alam



“Duit ini untuk persiapan hari raya dan bagi duit raya kepada 13 cucu. Kalau boleh dapat tiap-tiap tahun, lagi bagus. Terima kasih Dato’ Menteri Besar.”  
**Hashim Bulat**, 62, bilal Masjid Ubudiah Seksyen 19, Shah Alam

“Saya bekerja, duit bekerja untuk keluarga. Tapi elaun (Aidilfitri) nazir ini, memang semua saya beri kepada ibu bapa.”

**Mohamad Amiruddin Sarmany**, 50, nazir Masjid Ubudiah Seksyen 19, Shah Alam



## SUMBANGAN PENGGERAK MASJID DAN SURAU

TAHUN	PROGRAM	JUMLAH (RM)	MASJID	PENERIMA
2021	Bantuan Khas Kewangan Eidulfitri	1.36 juta	390 masjid	2,730 orang
2022	Insentif Rahmah Ramadan	1.31 juta	375 masjid	2,625 orang
2023	Insentif khas Eidulfitri #Kita Selangor	2.35 juta	432 masjid Guru Rakyat	3,024 orang 1,687 guru

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor



# Selamat Hari Raya Aidilfitri 1444 H / 2023



**SELANGOR  
FRUIT  
VALLEY.**

daripada,

AHLI LEMBAGA PENGARAH,  
PENGURUSAN DAN KAKITANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR



# Salam ukhuwwah



Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam, khususnya di negeri Selangor Darul Ehsan.

Ramadan yang berlalu membawa seribu satu makna kepada umat Islam yang taat. Masing-masing mencari Lailatul Qadar dan melaksanakan pelbagai kebajikan dalam mengejar mardhatillah.

Alhamdulillah, saya melihat kemakmuran dan kesederhanaan malam-malam terakhir Ramadan di masjid-masjid seluruh negeri Selangor.

Bagi menyambut kemenangan kembalinya kita kepada fitrah, maksud sebenar perayaan Aidilfitri, marilah kita semua meneruskan kerja baik yang disemai pada bulan mulia lepas seperti menyantuni golongan fakir, anak yatim dan insan kurang mampu.

Kesederhanaan ini harus kita tampilkan bukan sahaja melalui tindakan tetapi juga meresap di dalam akal budi dan fikiran kita. Semoga anak-anak kita turut mewarisi budaya dan akhlak yang serupa, seterusnya dapat melahirkan generasi bermaruah dan berwawasan.

Manfaatkanlah sepenuhnya silaturrahim dan ukhuwwah yang telah kita

bina selama ini seperti yang dianjurkan agama.

Alhamdulillah, atas kejayaan pungutan hasil Kerajaan Negeri sepanjang pentadbiran ini termasuk tiga bulan pertama 2023, saya mengumumkan Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor sebanyak satu bulan gaji kepada penjawat awam negeri. Kakitangan awam persekutuan seperti guru dan polis yang berkhidmat di Selangor turut menerima manfaat insentif ini iaitu sebanyak RM200 seorang.

Sekali lagi, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada anda semua. Saya memohon ampun dan maaf setulus ikhlas atas sebarang kekurangan yang ada dan berazam untuk terus memberi khidmat yang terbaik buat semua.

*Taqaballallahu minna wa minkum.*

**DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**  
Dato' Menteri Besar Selangor



Sambutlah Aidilfitri dengan penuh kegembiraan, keinsafan dan kesyukuran.  
Selamat Hari Raya, maaf zahir batin

**Dato' Haris Kasim,**  
Setiausaha Kerajaan Negeri



Aidilfitri adalah manifestasi kemenangan menempuh Ramadan yang mulia. Inilah kesempatan terbaik untuk saling melupakan semua perselisihan

**Dato' Salim Soib @ Hamid,**  
Penasihat Undang-undang Negeri



Selamat Hari Raya Aidilfitri. Amalkan kesederhanaan dan perbelanjaan secara berhemah. Maaf zahir batin

**Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin,**  
Pegawai Kewangan Negeri



# Tinta Syawal

Aidilfitri tahun ini disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kemeriahan. Umat Islam tentunya mengambil peluang untuk pulang ke pangkuan keluarga dan merapat kembali ikatan persaudaraan.

Kegembiraan ini pastinya diraikan di seluruh negara, khususnya rakyat Selangor termasuk barisan kepimpinan Kerajaan Negeri diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh muslimin dan muslimat. Semoga sambutan raya kali ini membawa kegembiraan, kebahagiaan dan keberkatan

**Ng Suee Lim,**  
Speaker Dewan Negeri Selangor



Perayaan Aidilfitri disambut seluruh umat Islam merupakan tanda kesyukuran. Semoga kita saling menginsafi Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Rodziah Ismail,**  
EXCO Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, Pembangunan Usahawan



Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir dan batin. Semoga perayaan ini membawa keharmonian dan kesejahteraan

**Dato' Teng Chang Khim,**  
EXCO Industri dan Perdagangan



Tangan dihulur maaf dipinta, erat hubungan sesama kita. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin

**Ganabatirau Veraman,**  
EXCO Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat dan Pemberdayaan Pekerja



Saya mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Semoga perayaan kali ini disambut penuh kesyukuran. Sambutlah Syawal ini dengan penuh keinsafan dan kesederhanaan

**Ir Izham Hashim,**  
EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani



Khusus kepada pembaca Selangorkini dan rakyat Selangor, Selamat Hari Raya Aidilfitri. Mudah-mudahan raya kali ini memberi seribu makna kepada semua

**Ng Sze Han,**  
EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru



Moga Aidilfitri disambut penuh kesyukuran dan dapat kembali mengeratkan silaturahim sesama ahli keluarga dan kawan. Maaf zahir dan batin

**Dr Siti Mariah Mahmud,**  
EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga



Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada mereka yang beragama Islam khususnya kepada penduduk di DUN Kajang. Salam Aidilfitri

**Hee Loy Sian,**  
EXCO Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam khususnya di Selangor. Tahun ini kita bertambah gembira kerana sekali lagi berpeluang menyambut hari lebaran bersama keluarga

**Mohd Khairuddin Othman,**  
EXCO Modal Insan, Generasi Muda dan Sukan



Salam Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat. Marilah sama-sama kita menyambut ketibaan Syawal ini dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan

**Borhan Aman Shah,**  
EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan



Alhamdulillah, bulan madrasah penuh mulia melabuh tirainya. Semoga kita menjadi hamba lebih bertaqwa kepadanya. Kesempatan ini moga saling bermaafan dan mengerat hubungan

**Mohd Zawawi Ahmad Mughni,**  
EXCO Hal Ehwal Islam, Pengguna dan Industri Halal





# Rai lebaran



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama jemaah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam ketika program Qiamulail Perdana pada 12 April



Duli Yang Maha Mutia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaji menghulur sumbangan raya di Masjid Ma'arufiah, Sabak Bernam pada 14 April. Seramai 478 asnaf menerima bantuan



DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin meraikan anak yatim selepas menyerahkan sumbangan Aidilfitri di Bandar Sunway, Petaling Jaya pada 6 April



Mansor Bakar dan Norhuda Lajis @ Aziz membersihkan pusara ibu kandung mereka di tanah perkuburan Islam Kampung Selayang Baru, Gombak pada 8 April



Umat Islam termasuk pemimpin menyambut Ramadan dalam suasana aman. Namun bimbang 1 Syawal datang mengejut, mereka kelihatan bersiap awal tahun ini. Pusat beli-belah dan kedai pakaian dipenuhi orang ramai sejak minggu awal bulan puasa untuk mendapatkan persalinan raya. Jurufoto AHMAD ZAKKI JILAN, MOHD YUSNI ARIFFIN, HAFIZ OTHMAN, FIKRI YUSOF, REMY ARIFFIN, NUR ADIBAH AHMAD IZAM merakam aktiviti Ramadan dan persiapan Aidilfitri. Keterangan gambar oleh NADIAH ZAMLUS.



Pekerja Mohd Bistammie Mohd Arifin membakar lemang di Kedai Lemang Daun Lerek Greenwood, Gombak pada 4 April. Kedai itu menjual juadah tradisi ini sejak 1992



Penolong amil fitrah Mohd Luqman Hakim Rizuan membacakan doa ketika urusan zakat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 31 Mac



Pemilik kedai jahit Nomori Taylor Ridwan Ismail menyiapkan tempahan baju pelanggan di Taman Melati, Gombak pada 6 April



Peniaga Nurul Fadilla Bukhari menunjukkan pelbagai sampul duit raya jualan di bazar raya Jalan Taiping, Klang pada 6 April



Orang ramai membujiri ruang niaga Festival Ramadan Selangor 2023 di Kompleks PKNS Shah Alam pada 2 April. Disertai hampir 1,000 peniaga, ia berlangsung 48 hari



Pembuat kuih Nordalila Razali menyiapkan pesanan kuih tart nanas di Bukit Changgang, Kuala Langat pada 6 April



# Salam mahabbah

UCAPAN AHLI DEWAN NEGERI



Raikanlah kedatangan Syawal dengan penuh gembira dan keinsafan. Selamat Hari Raya Aidilfitri buat seluruh umat Islam di Selangor

**Datuk Rizam Ismail**  
Sungai Air Tawar



Patan kulo mawon kalah sampeyan lahir batos nyuwon nagapunten dan berilaan. Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Ahmad Mustain Othman**  
Sabak



Ramadan telah kita tinggalkan, kini menjelma Syawal yang mulia. Aidilfitri berbahang gembira, disambut dengan rasa suka. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin

**Datuk Mohd Imran Tamrin**  
Sungai Panjang



Selamat hari raya buat semua rakyat di Selangor dan di DUN Hulu Bernam khususnya. Maaf zahir dan batin. Semoga Aidilfitri ini kita dapat memperkukuhkan ikatan kekeluargaan

**Datuk Rosni Sohar**  
Hulu Bernam



Setelah sebulan berpuasa, umat Islam menyambut ketibaan Syawal. Mari kita menyambutnya dengan penuh kesyukuran. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin

**Lee Kee Hiong**  
Kuala Kubu Baharu



Marilah menyambut Syawal dengan kesederhanaan tetapi penuh kemeriahan. Semoga Syawal yang akan tiba memberi kehidupan lebih baik di dunia dan akhirat

**Dato' Mohd Shamsudin Lias**  
Sungai Burong



Salam Aidilfitri buat semua. Maaf zahir dan batin. Semoga diterima segala amal ibadah dan menjadikan kita insan lebih tawaduk kepada-Nya

**Rozana Zainal Abidin**  
Permatang



Salam Aidilfitri buat seluruh umat Islam tanda kemenangan setelah sebulan berpuasa. Semoga segala amalan kita diterima Allah SWT

**Juwairiya Zulkifli**  
Bukit Melawati



Salam Aidilfitri. Semoga kita termasuk orang-orang yang sentiasa bersyukur dan diterima amalan sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini

**Dr Idris Ahmad**  
Ijok



Saya berharap orang ramai berhati-hati dan berhemah memandu di jalan raya semasa balik ke kampung pada musim perayaan Aidilfitri. Dengan rasa rendah diri saya ingin mengucapkan salam Aidilfitri, maaf zahir dan batin

**Chua Wei Kiat**  
Rawang



Berhati-hati memandu pulang ke kampung sempena Aidilfitri. Teruskan amalan baik yang kita lakukan di luar bulan Ramadan. Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Mohd Sany Hamzan**  
Taman Templer





Salam Aidilfitri. Semoga amalan baik sepanjang bulan Ramadan dihayati. Teruskan berbakti dan berahmah sesama insan

**Saari Sungib**  
Hulu Kelang



Kapal belayar pusing benua,  
Sampan berhenti sebelah jeti,  
Dipanjat doa untuk semua,  
Moga lebaran Allah berkati

**Edry Faizal Eddy Yusof**  
Dusun Tua



Bersama-sama merayakan Aidilfitri tahun ini dengan penuh kemesraan dalam kalangan ahli keluarga, sahabat handai dan seluruh masyarakat di Selangor. Maaf zahir dan batin

**Zakaria Hanafi**  
Semenyih



Aidilfitri tiba setahun sekali,  
Disambut meriah seluruh famili,  
Hidup di dunia hanya sekali,  
Jangan disia ruang yang ada setiap hari.  
Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Mazwan Johar**  
Sungai Ramal



Cahaya Ramadan berlalu pergi,  
Menyambut tibanya Aidilfitri,  
Ampun dan maaf segala peri,  
Semoga ikatan kekal dihati.  
Selamat Hari Raya Aidilfitri,

**Wong Siew Ki**  
Balakong



Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua muslim di Selangor. Semoga semua menikmati hari raya yang selamat bersama keluarga. Berhati-hati di jalan raya

**Ean Yong Hian Wah**  
Seri Kembangan



Tirai Ramadan semakin menghampiri,  
Syawal pertama kian dinanti,  
Kesilapan lama jangan dikenangi,  
Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Michelle Ng Mei Sze**  
Subang Jaya



Marilah kita berdoa amalan Ramadan diterima Allah. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Mohon kemaafan daripada saya sekeluarga serta daripada Pusat Khidmat Rakyat DUN Seri Setia

**Halimey Abu Bakar**  
Seri Setia



Semoga Aidilfitri menjadi permulaan terbaik penerusan takwa yang dijana dalam Ramadan. Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua

**Syamsul Firdaus Mohamed Supri**  
Taman Medan



Harap semua menyambut hari raya dengan selamat. Saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua yang beragama Islam

**Rajiv Rishyakaran**  
Bukit Gasing



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada yang beragama Islam. Semoga selamat balik kampung dan saya doakan agar Aidilfitri ini membawa kebahagiaan bersama.  
#KitaSelangor

**Lim Yi Wei**  
Kampung Tunku





Saya ingin mengucapkan selamat hari raya kepada seluruh muslimin dan muslimat serta seluruh warga Selangor meraikan bersama. Salam Aidilfitri dan salam kosong-kosong!

**Jamaliah Jamaluddin**  
Bandar Utama



Sekandung badan hati nurani,  
Bersama kita menyambut Aidilfitri  
Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri,  
maaf zahir batin

**Elizabeth Wong**  
Bukit Lanjan



Bagi pihak Pusat Khidmat Masyarakat N39 Kota Damansara, kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama selama ini. Mohon maaf jika ada kekurangan atau kelemahan

**Shatiri Mansor**  
Kota Damansara



Menjelang Syawal, saya dan keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam. Semoga Allah menerima segala amalan Ramadan dan menjadikan kita insan yang lebih baik

**Mohd Najwan Halimi**  
Kota Anggerik



Aidilfitri tiada makna sekiranya tarbiah Ramadan gagal mendidik jiwa dekat dengan Allah. Ambil peluang Ramadan untuk bersih dan tingkatkan ketakwaan. Oleh itu, Aidilfitri akan bermakna

**Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar**  
Meru



Berakhir sudah ibadat puasa,  
Kini Syawal berkunjung tiba,  
Bulan mulia membawa bahagia,  
Mengikat kasih sesama saudara.  
Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin

**Azmizam Zaman Huri**  
Pelabuhan Klang



Rakyat Malaysia terutama umat Islam akan merayakan Aidilfitri penuh keceriaan, silaturahmi dan semangat perpaduan, sekali lagi saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Leong Tuck Chee**  
Pandamaran



Semoga ibadat sepanjang Ramadan diberkati.  
Hari Raya Aidilfitri disambut bersama keluarga tersayang.  
Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin

**Gunarajah George**  
Sentosa



Selamat menyambut Aidilfitri. Saya berharap yang bercuti dapat saling berkunjung untuk merapatkan hubungan sesama kita sebagai masyarakat bertamadun dan bermadani

**Lau Weng San**  
Banting



Saya ucapkan selamat hari raya buat semua umat Islam. Dalam kita bergembira sentiasalah ingatkan yang kurang berkemampuan supaya kita sentiasa bersyukur

**Hasnul Baharuddin**  
Morib



Marilah bersama-sama mempertingkatkan semangat setia kawan, muhibbah dan harmoni di antara satu sama lain demi kesejahteraan kita semua. Selamat hari raya dan maaf zahir batin

**Ronnie Liu**  
Sungai Pelek





Ceritakan Raya Dengan

**AQUASEL**



Selamat  
**Hari Raya  
Aidilfitri**

MAAF ZAHIR BATIN



KUMPULAN SEMESTA SDN BHD  
DAN ANAK SYARIKAT



*Daripada*

Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan  
Serta Kakitangan







Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam




Istana Bandar Jugra, Kuala Langat



Padihijau Homestay, Sabak Bernam



Jambatan Cinta, Tanjung Sepat



Elmina Central Park, Shah Alam



Bonda Valley, Batang Kali

# Lokasi OOTD 'stylo'

Syawal memberi peluang orang ramai menggayakan pakaian dan fesyen baharu ketika ziarah-menziarahi sanak saudara dan rakan taulan.

Sebagai negeri pelancongan, Selangor menawarkan pelbagai destinasi menarik untuk bergambar dengan pakaian baharu. Trend ini lebih popular disebut OOTD, ringkasan *outfit of the day*.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyenaraikan 10 lokasi menarik pilihan Tourism Selangor untuk bergambar dengan pakaian raya masing-masing.

## Laman Seni 7, Shah Alam

Terletak di Seksyen 7 Shah Alam, lorong belakang kedai itu penuh lukisan mural dan tiga dimensi. Meja dan kerusi dilekat menjadi seni dinding. Hasilnya cukup indah untuk dirakam

## Elmina Central Park, Shah Alam

Terletak dekat Lebuh raya Koridor Guthrie, ia mempunyai banyak daya tarikan untuk sesi foto. Antaranya Jambatan Ikonik Elmina dan Jambatan Pelangi

## Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Dikenali Masjid Biru, ia terletak di Shah Alam. Memiliki kombinasi reka bentuk tradisi Islam, Asia Barat dan Melayu asli. Antara lokasi pilihan pelancong bergambar

## Padihijau Homestay, Sabak Bernam

Rumah inap tradisional di Sungai Besar, Sabak Bernam. Seni bina bentuk kon dikelilingi sawah padi menghijau, menjadikannya menarik untuk bergambar

## Jambatan Cinta, Tanjung Sepat, Kuala Langat

Asalnya jeti pendaratan ikan, kini tempat makan dan riadah. Waktu sesuai mengambil gambar pada petang sewaktu matahari terbenam

## Tamarind Square, Cyberjaya, Sepang

Ruang tengah pusat beli-belah itu dihias seolah-olah dalam hutan. Suasana unik menjadikannya sesuai untuk bergambar

## Spacerubix, Puchong, Subang Jaya

Bangunan reka bentuk unik dan warna-warni itu terletak di Puchong. Seni binanya menggami pengunjung bergambar

## Kampung Pelangi, Kuala Selangor

Hampir semua rumah dan jalan dicat dengan warna terang. Persekitaran pelbagai warna itu unik dirakam dan dimuat naik ke media sosial

## Bonda Valley, Batang Kali, Hulu Selangor

Penginapan bercirikan konsep tradisional Bali. Struktur binaannya daripada kayu hutan. Tempatnya cukup cantik untuk bergambar

## Istana Bandar Jugra, Kuala Langat

Dipengaruhi binaan Islam dari India, China dan Timur Tengah. Istana dengan seni bina klasik ini sesuai dijadikan lokasi bergambar sempena lebaran





# Selamat Hari Raya Aidilfitri

MAAF ZAHIR BATIN

*Daripada*

**Y.BHG. DATO' HAJI RAMLI MOHD TAHIR D.S.I.S (SELANGOR)**  
**PENGARAH URUSAN**  
**DAN SELURUH WARGA KERJA KDEBWM**  
**DAN ANAK-ANAK SYARIKAT**





# Lambang jati diri

Oleh NAZLI IBRAHIM

**K**ecil, ringan dan ringkas. Namun, ia membawa perlambangan dan jati diri besar kepada pemakainya. Itulah hiasan kepala lelaki Melayu bernama songkok.

Dipadankan baju Melayu bersamping, songkok sinonim dengan sambutan Aidilfitri. Menjelang raya, banyak kedai menjual hiasan kepala itu demi memenuhi permintaan ramai.

Songkok juga sering digayakan lelaki pada majlis keramaian tertentu seperti perkahwinan dan makan malam orang kenamaan.

Selain itu, pemakaiannya dijadikan keperluan protokol dalam majlis rasmi seperti di istana atau menghadiri acara Dewan Undangan Negeri dan parlimen.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama delegasinya mengenakan songkok semasa dialog dengan pimpinan Filipina ketika lawatan rasmi ke republik itu pada 28 Februari dan 1 Mac (**gambar**).

Songkok lama dikenali di Alam Melayu, khususnya di negara ini, Singapura, Indonesia, Brunei dan selatan Thailand.

Mengikut artikel 'Songkok, a traditional headgear' terbitan Jabatan Penerangan Brunei Darussalam pada 2011, hiasan kepala itu diperkenalkan di negara berkenaan kira-kira 700 tahun lalu.

Diperbuat kertas keras dan disalut baldu, songkok dianggap hiasan kepala di kawasan diaspora Melayu.

## Sebelum merdeka

Walaupun songkok boleh dipakai dengan meluas tanpa mengenakan baju Melayu, namun tradisi itu pernah diangkat sebagai simbol penting perjuangan politik.

Banyak gambar pada era itu memaparkan perdana menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra sentiasa memakai songkok sama ada dalam majlis rasmi atau sebaliknya.

Malah, dalam majlis menandatangani perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956 di Lancaster House, United Kingdom, beliau mengenakan songkok dengan kot dan tali leher.

Rama Kertamukti dalam makalah 'Komunikasi Simbol: Peci dan Pancasila' menjelaskan pemimpin nasional republik itu, Soekarno pernah



Foto Facebook Anwar Ibrahim



menyarankan songkok menjadi lambang perjuangan menentang Belanda pada 1921.

Walaupun pemakaian songkok kurang diamalkan pada zaman sekarang, khususnya pada hari biasa, ia kekal menjadi tradisi penting orang Melayu.

Songkok asalnya antara seni buatan tangan anak bangsa. Meski pada masa kini dikeluarkan secara besar-besaran di kilang, ciri-cirinya masih lagi kekal.

Laman sesawang Lembaga Warisan Singapura, Roots menjelaskan, komponen songkok terdiri daripada atap dan dinding. Antara bahan pembuatannya ialah kertas keras, baldu, kain dan benang.

Kajian Che Wan Nurmas Azura Che Wan Hasanuddin dan lain-lain dalam Jurnal Sejarah Lisan Malaysia menukilkan penghasilan songkok melalui enam proses.

Proses itu mencatu, mengkarung, menggunting, mencantum, memasang baldu dan menebuk lubang (jika perlu).

Berikut langkah pembuatan songkok:

1. Mencatu babitkan pemasangan

**Walaupun pemakaian songkok kurang diamalkan pada zaman sekarang, khususnya pada hari biasa, ia kekal menjadi tradisi penting orang Melayu**

kain perca dengan kain satin. Dilakukan bagi menghasilkan bahagian dalam songkok.

2. Mengkarung atau mengukur saiz dan menjahit garisan tepi songkok. Jahitan berulang-ulang supaya kemas dan tebal.
3. Menggunting melibatkan dua bahagian penting iaitu dinding dan atap.
4. Mencantum bahagian atap dan dinding menjadi songkok.
5. Memasang baldu keseluruhan songkok.
6. Menebuk lubang (proses tambahan). Dilakukan jika mendapat permintaan pelanggan menebuk lubang pada atap songkok. Fungsinya supaya pemakai tidak rimas dan udara panas tidak terperangkap atau berkuap di kepala.





# Salam Syawal

Nikmati kemeriahan Aidilfitri dan sambutlah lebaran dengan penuh kesyukuran bersama yang tersayang.

Salam Tulus Ikhlas daripada:  
Pihak Pengurusan & Warga Kerja  
CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD  
Peneraju Pembangunan Hartanah di Pulau Indah sejak 1994

Projek Pembangunan :



Anak Syarikat :

Sila imbas untuk ke  
Virtual Sales Gallery



[virtual.centraispectrum.com](http://virtual.centraispectrum.com)  
1-800-222-909

**WORLDWIDE HOLDINGS**

Seikhlas Hati Menyusun Jari  
Semoga Ceria Di Aidil Fitri

# Selamat Hari Raya Aidilfitri

**MAAF ZAHIR & BATIN**

HARTANAH | ALAM SEKITAR | PERUBATAN | TENAGA

Worldwide Holdings Berhad | worldwide\_holdings | [worldwide.com.my](http://worldwide.com.my)



## RM500,000 setahun untuk anak yatim

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memperuntuk RM500,000 setiap tahun bagi membantu 9,081 anak yatim di seluruh negeri.

Peruntukan berkenaan disalurkan Baitulmal Mais kepada Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) selaku anak syarikat Mais yang menyelia hal ehwal anak yatim di negeri itu.

"Kita berharap bantuan ini dimanfaatkan untuk pengurusan rumah anak yatim bawah Yide di samping memelihara kebajikan dan hal ehwal pengurusan anak yatim," kata kenyataan Mais pada 14 April.

Tahun ini, sebanyak RM547,020 diperuntuk bagi hal ehwal pengurusan anak yatim sekitar Selangor.

## Kelengkapan raya buat warga emas

**SHAH ALAM** - Seramai 77 penghuni dan penjaga Pusat Jagaan Pertubuhan Baitul Rahmah di Rawang menerima sumbangan daripada Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL).

Pengarah urusan KUSEL memaklumkan agihan bersama pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN) Rawang pada 12 April meliputi kelengkapan raya selain bantuan tunai RM2,000 kepada pusat jagaan itu.

Menurut Khairul Azmi Misran, sumbangan tersebut bagi memastikan tiada insan tercicir dalam meraikan Syawal yang dinanti-nantikan umat Islam saban tahun.

"Justeru, menjadi harapan KUSEL agar sumbangan yang disampaikan memberi kebahagiaan dan keceriaan kepada penghuni pusat jagaan ini sempena lebaran yang menjelang tiba," katanya.

## Festival hingga 12 tengah malam

**SHAH ALAM** - Waktu operasi perniagaan Festival Ramadan Selangor (Festira) membabitkan tiga lokasi dilanjut hingga 12 tengah malam berbanding 10 malam sebelum ini.

PKNS Real Estate (PREC) memaklumkan festival di pusat beli-belah SACC, Kompleks PKNS Shah Alam dan Kompleks PKNS Bangi dibuka hingga 2 pagi menjelang tiga hari Syawal.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Fakru Radzi Ab Ghani menjelaskan lanjutan masa dibuat susulan jangkakan pertambahan pengunjung pada 10 hari terakhir Ramadan.

"Melepasi dua minggu puasa, Festira menunjukkan peningkatan pengunjung. Insha-Allah untuk tempoh berbaki, lebih ramai akan datang ke festival ini.

"Apatah lagi cuti sekolah hampir tiba, jadi pusat perniagaan ini pasti menjadi pilihan orang ramai membuat persiapan, maka kita akan lanjutkan waktu perniagaan tersebut," katanya.

# Liga Usahawan sasar ibu tunggal

**SHAH ALAM** - Penganjuran program Liga Usahawan Wanita Selangor bertujuan membantu golongan wanita berpendapatan rendah (B40), asnaf dan ibu tunggal untuk menajana pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Selangor Youth Community (SAY) Nurul Azwa Mohd Rodzi berkata ia boleh disertai individu berpendapatan kurang RM3,600 sebulan dan menjalankan perniagaan di Selangor.

Beliau menambah program bagi

membina kemahiran, ilmu dan sumber itu terbuka kepada semua wanita B40, ibu tunggal dan asnaf dari seluruh daerah.

"Liga ini berteras latihan keusahawanan, sokongan mentor dari industri, sokongan kewangan dari segi pinjaman dan geran dan rangkaian strategik perniagaan," katanya pada 13 April.

Beliau menegaskan program tersebut bertujuan meningkatkan taraf kehidupan dan sosioekonomi khususnya golongan asnaf.

"Kita tidak mahu mereka terus jadi

penerima zakat selepas 10 atau 20 tahun. Kita mahu buka mata mereka bahawa perniagaan boleh jadi punca pendapatan untuk kelangsungan hidup," katanya.

Menjelaskan 100 usahawan menyertai seminar fasa pertama, Nurul Azwa berkata 10 peserta berpeluang membuat pembentangan depan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"Pada akhir program, seramai 10 peserta akan diberi peluang membuat pembentangan dan bakal dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Wanita Selangor," katanya.



## Galak bayaran tanpa tunai

# 10,000 baucar RM5 di lima bazar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 10,000 baucar Rahmah bernilai RM5 diagih kepada pengunjung lima bazar Ramadan bagi meringankan beban mereka membeli juadah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM50,000 untuk baucar berkenaan untuk ditebus di

bazar terpilih.

"Kita sediakan 10,000 baucar untuk diagih ke lima bazar di USJ 4, Seksyen 7 Shah Alam, Damansara Damai, Cyberjaya Park dan Taman Melawati Gombak," katanya pada 9 April.

Beliau mengagih 1,000 daripada 4,000 baucar yang diperuntuk kepada pengunjung bazar USJ 4 di sini manakala baki 3,000 diagih MBI kepada orang ramai termasuk penjawat awam dan pelajar.

Amirudin menjelaskan inisiatif ju-

lung kali yang diperkenalkan Platform Selangor (PLATS) bertujuan menggalakkan sistem bayaran tanpa tunai.

"Peniaga perlu simpan kupon tersebut. Pihak berkuasa tempatan akan datang untuk menguruskan proses menebus wang tunai," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga menyertai inisiatif Menu Rahmah yang diperkenalkan kerajaan persekutuan bagi membantu golongan kurang berkemampuan membeli pada harga rendah.

# Bantu lebih ramai golongan susah

**SHAH ALAM** - Agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diseru memberi sumbangan kepada lebih ramai golongan memerlukan khidmat dan bantuan menjelang Syawal.

EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni mengajak pihak berkaitan mengambil langkah membantu masyarakat termasuk rumah kebajikan dan golongan lain.

"Bukan hanya anak yatim, asnaf

dan fakir miskin tetapi bekas penagih dadah, penjenayah, wanita mangsa keganasan rumah tangga serta wanita hamil luar nikah," katanya pada 11 April.

Wakil rakyat Sungai Kandis itu turut memuji usaha PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC)

membantu 201 asnaf dan anak yatim empat rumah kebajikan termasuk memberi sumbangan bernilai RM30,000.

"Tahniah kepada sukarelawan yang membuat kerja amal sempena Ramadan bertujuan memberi kegembiraan dan kebahagiaan kepada individu hilang ibu bapa," katanya.



# Pertingkatkan kutipan sampah pukal

**SHAH ALAM** - KDEB Waste Management (KDEBWM) akan menjalankan kutipan sampah pukal dengan memberi tumpuan ke kawasan majoriti penduduk yang menyambut perayaan Aidilfitri.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata dua kaedah dibuat iaitu dari rumah ke rumah atau pusat tong mengikut jadual dan membekal tong Roll On Roll Off

(RORO) di lokasi tertentu.

"Bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti di Klang, Subang Jaya, Shah Alam, Selayang dan Sabak Bernam, terdapat kira-kira 634 lokasi terlibat.

"Lokasi yang akan diberi tumpuan antaranya kawasan kampung seperti di Meru, Kampung Delek, Jalan Rantau Panjang, Kampung Melayu Subang serta kawasan lain," katanya pada 12 April.

Beliau memberi jaminan KDEBWM

bersedia untuk menambah kekerapan kutipan pada bila-bila masa terutama di kawasan padat dengan penduduk yang akan meraikan Aidilfitri.

"Kekerapan kutipan rumah ke rumah disediakan seminggu sekali atau tiga kali seminggu bergantung kepada PBT.

"Bagi kutipan tong RORO pula, tarikan tong dilakukan jika tong telah penuh dan diganti tong kosong," katanya.





KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بيندولجا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR  
DKU002(B)

SELAMAT HARI RAYA

الغفران  
1444 H

Aidilfitri  
MAAF ZAHIR DAN BATIN

Daripada

WARGA UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

MOHON SEKARANG



PERMOHONAN  
PROGRAM ASASI,  
DIPLOMA &  
SARJANA MUDA  
KINI DIBUKA BAGI  
KEMASUKAN  
JULAI/OGOS 2023

IMBAS DI SINI

ISLAH INTELEK SINERGI LESTARI AKAUNTABILITI HOLISTIK

JOM MASUK UIS www.kuis.edu.my instakuis fbkuis KUISTV kuischannel • #KUIS • #DiSiniLahirnyaDaiUlamaUmarak

Selamat  
Hari Raya  
MAAF ZAHIR BATIN



ترقدوان سندي كقواتي

Daripada

YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS DAN WARGA  
KERJA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

[www.mpklang.gov.my](http://www.mpklang.gov.my)

Majlis Perbandaran Klang MPKcare mpkcare majlisperbandaranklang



## Mangsa ribut terima bantuan RM500

**SHAH ALAM** - Seramai 175 mangsa ribut di Puchong menerima bantuan kecemasan tunai RM500 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) selepas rumah mereka dilanda bencana itu pada 8 April.

Ketua divisyen komunikasi korporat LZS berkata pihaknya turut mengedar pek makanan ketika kunjungan Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohd Sabirin Sarbini dan wakil LZS Petaling pada 10 April.

"Kejadian itu mengakibatkan rumah 166 mangsa bukan asnaf dan sembilan asnaf rosak termasuk ada rumah seorang daripada mangsa dihempap pokok," kata Datin Setia Norajun Ainun Mohd Hashim.

## Dapur Selangor himpun 56 resipi

**SHAH ALAM** - Wanita Berdaya Selangor menerbitkan naskhah berjudul Dapur Selangor yang menyajikan 56 resipi masakan.

EXCO Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata buku 91 halaman itu memuatkan pelbagai resipi unik yang dikumpul daripada 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor.

"Sebagai buah tangan kepada semua, kita himpunkan satu DUN satu resipi merangkumi sajian tradisional, moden dan pencuci mulut," katanya pada 10 April.

Dapur Selangor berharga RM35 boleh didapati dalam talian menerusi bookcafe.com.my/

# RM13,000 baiki kerosakan flat

**AMPANG JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menghulur sumbangan RM13,000 untuk membaiki tangki air dan saluran paip bocor di Flat Kelompok Camar, Kampung Tasek Permai di sini.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zain-



al berkata masalah kebocoran diketahui hasil aduan melalui WhatsApp sebelum membuat kunjungan ke situ pada 28 Mac.

Pada 13 April, beliau menyerahkan dana itu kepada Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Mohd Khairul Annuar Mohd

Suhaimi dalam program berbuka puasa bersama lebih 200 penghuni.

MBI turut menyumbang 100 bakul makanan mengandungi barangan dapur kepada keluarga memerlukan yang disampaikan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratai Ng Sze Han.

Rumah pangsa berusia 20 tahun itu ada dua bangunan. Setiap blok masing-masing dihuni kira-kira 400 orang.

## Libat 122 kediaman

# RM300,000 baiki rumah terjejas

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SUBANG JAYA** - Dana RM300,000 disediakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi membaiki sebahagian daripada 122 kediaman terjejas akibat ribut pada 8 April.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan mangsa membatik penduduk 60 lokasi sekitar Puchong dan Sepang.

"Bantuan MBI bagi membiaya kerja baik pulih rumah atas tanah manakala bebe-

rapa pangsapuri yang terkesan diurus pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Majlis akan lantik kontraktor segera dan dahulukan dana. Kos ini kita ambil daripada peruntukan perumahan rakyat diumumkan perdana menteri semalam berjumlah RM35 juta," katanya pada 9 April.

Memberi jaminan kerja baik pulih siap dalam 10 hari sebelum Aidilfitri, beliau berkata kanvas sementara dipasang untuk menghadang air masuk ke rumah jika hujan.

Pada 10 April, beliau mengumumkan bantuan kewangan RM500 kepada semua penduduk di situ yang terjejas ribut bagi membantu mereka membuat persiapan menyambut raya.

Sementara itu, Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara menyumbang baucar barangan keperluan asas kepada penghuni hampir 50 rumah yang terjejas ribut di Kampung Batu 13, Puchong.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara Ng Sze Han berkata bantuan RM200 kepada setiap rumah tersebut sebagai tanda prihatin dan diharap dapat menampung perbelanjaan mangsa.

"Pihak kami juga mengusahakan sumbangan sebanyak 300 unit atap diperbuat daripada bahan kitar semula dengan anggaran harga RM50 setiap atap. Pengilang, Tetra Pak menaja semua atap tersebut," katanya.

# RM11.3 juta buat rumah riqab

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyumbang RM11.3 juta kepada 26 rumah pemuliharaan riqab (RPR) menerusi geran bantuan pemuliharaan riqab untuk kebajikan asnaf riqab.

Sumbangan itu bagi menampung kos program, pengurusan dan penjagaan asnaf riqab di RPR bawah seliaan Mais sekali gus memastikan asnaf riqab diberi perlindungan, pemuliharaan dan bimbingan.

Penerima antaranya Rumah Pertubuhan Amal dan Kebajikan Anak-Anak Islam Tersisih Selangor, Rumah

Pertubuhan Insan Permata Disayangi, Rumah Teduhan Kasih, Rumah Penawar dan Rumah Sahabat.

Selain itu, Mais turut menghulur sumbangan RM306,000 kepada 1,207 asnaf riqab bagi membantu mereka membuat persiapan menyambut perayaan Aidilfitri.

Sumbangan itu menggunakan peruntukan zakat asnaf riqab bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan pemuliharaan, perlindungan, rawatan, pencegahan dan kawalan untuk ke pangkal jalan.

# Kumpul 387kg minyak masak

**SHAH ALAM** - Sebanyak 387 kilogram (kg) minyak masak terpakai dikumpul Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sejak awal Ramadan hingga 11 April.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS Jefree Ab Manaf berkata sebahagian besarnya diperoleh melalui kempen kutipan di bazar dan restoran.

"Kita turut sediakan tong pengumpulan minyak masak terpakai di balai penghulu setiap

mukim dan masjid terpilih.

"MPKS kutip 387kg minyak masak terpakai dalam tempoh 19 hari Ramadan. Kita harap sasaran untuk kumpul 10,000kg minyak masak terpakai tahun ini tercapai," katanya.

Orang ramai disaran menyokong kempen itu dan bayaran RM1.50 ditawarkan untuk setiap satu kilogram minyak masak yang diserahkan kepada MPKS.

Pertanyaan lanjut hubungi Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS melalui talian 03-3281 1368.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014333	PROVISION OF PREVENTIVE AND CORRECTIVE MAINTENANCE SERVICES FOR 190 NOS. OF HYBRID DISTRIBUTION WATER QUALITY REAL-TIME ANALYZER (HYDRA) STATIONS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
2.	PN0000014135	SUPPLY AND DELIVERY OF NEW PUMPS FOR CRITICAL PUMP HOUSES IN SELANGOR, KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA
3.	PN0000014212	SUPPLY AND DELIVERY OF NEW SPARE MOTORS FOR CRITICAL PUMP HOUSES IN SELANGOR, KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA
4.	PN0000014345	SUPPLY AND DELIVERY OF INSERTION FLOW METERS (IFM) COMPLETE WITH ACCESSORIES FOR AIR SELANGOR
5.	TBA	PREVENTIVE MAINTENANCE AND SERVICING WORKS FOR VALVES AND APPURTENANCES (PACKAGE A - NORTHERN ZONE)
6.	TBA	PREVENTIVE MAINTENANCE AND SERVICING WORKS FOR VALVES AND APPURTENANCES (PACKAGE B - SOUTHERN ZONE)
7.	TBA	PROVISION OF FRONT END LOADER RENTAL SERVICES WITH DRIVER FOR LANGAT 2 WATER TREATMENT PLANT

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.





عيد مبارك

EID MUBARAK



MediaSelangor

selangorkini 当今雪州 சிலாங்கூர்

SELANGOR JOURNAL SelangorTV

Salam tulus ikhlas daripada  
seluruh warga kerja Media Selangor





## Tawar periksa kereta percuma

**SHAH ALAM** - Kempen Proton Rahmah 2023 dilancar bagi menggalakkan pemilik kereta membuat pemeriksaan di pusat servis bertauliah dan menikmati pakej pemeriksaan bernilai RM150.

Kempen anjuran pengeluar kereta nasional Proton Holdings Bhd yang bermula 12 April hingga 31 Mei bertujuan membantu mengurangkan beban pemilik kenderaan golongan berpendapatan rendah.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Dato' Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata mereka boleh memeriksa kenderaan secara percuma dan membeli pakej servis mampu milik.

Kempen tersebut menyoal pemilik Proton Persona, Proton Iriz, Proton Exora, Proton Saga, serta model terdahulu termasuk Proton Inspira, Proton Waja dan Proton Wira.

"Saya berharap jenama lain akan mengikutinya untuk mengurangkan kos sara hidup mereka yang paling memerlukannya."

## Perluas kempen elak bazir makanan

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mahu memperluas kempen menyelamatkan pembaziran makanan ke pasar malam seluruh negara selepas Aidilfitri.

Timbalan Menteri Senator Fuziah Salleh berkata kempen Jimat Makanan (MYSaveFood) itu mendapat maklum balas positif persatuan peniaga yang sedia bekerjasama, lapor Bernama.

"Jika kita lihat inisiatif MYSaveFood ini telah menunjukkan kesan positif apabila 19.84 tan makanan dapat diselamatkan daripada pembaziran pada Ramadan.

"Program ini melibatkan pengumpulan lebihan juadah tidak terjual selepas waktu berbuka puasa, seterusnya diasing dan ditimbang sebelum diagih kepada golongan sasaran," katanya pada 12 April.

## Keluarga boleh lawat penghuni penjara

**SHAH ALAM** - Keluarga semua penghuni penjara dibenar melawat pada hari raya ketiga dan keempat sempena sambutan Aidilfitri.

Menurut Jabatan Penjara, keutamaan diberi kepada waris penghuni beragama Islam yang membuat janji temu melalui Sistem i-Visit di [www.prison.gov.my](http://www.prison.gov.my), panggilan telefon, e-mel atau surat.

Selain kaedah bersemuka antara 8.15 pagi hingga 4.15 petang, perjumpaan dalam talian (panggilan video) juga dibenarkan pada 26 hingga 28 April, lapor Bernama.

"Membuat ujian RT-PCR atau RTK-Ag (swab/saliva) dalam sah laku tiga hari selepas pengambilan sample dan tidak bergejala sebelum hadir ke institusi berkenaan," kata kenyataan jabatan itu.

# Perpaduan kaum elak pecah belah

**SHAH ALAM** - Kerajaan berusaha untuk memelihara negara dan masyarakat daripada terjerumus dalam sebarang kancah konflik perkauman sempit.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan juga mahu meletakkan titik terhadap usaha pihak yang menggunakan politik identiti untuk memecah belah keharmonian rakyat.



"Kunci kepada perpaduan kaum yang kita kecapai semalam ini adalah saling menghormati, yang menjadi salah satu unsur penting dalam membangunkan Malaysia Madani," katanya pada 13 April.

Selain itu, Anwar berkata kerajaan berusaha membina hubungan baik dengan kerajaan

negeri yang diterajui pembangkang bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Katanya, perkara itu terbukti apabila kerajaan menyediakan keperluan kerajaan negeri yang bersifat segera dan mendesak meski berbeza fahaman politik, lapor Bernama.

Memberi contoh, beliau berkata kerajaan menambah projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Golok, Kelantan susulan isu banjir di negeri pimpinan Perikatan Nasional.

## Kurangi kes kemalangan

# Operasi pastikan trafik terkawal

**SHAH ALAM** - Polis melaksanakan Op Lancar pada 18 dan 19 April bagi memastikan pergerakan pengguna jalan raya tidak terganggu menjelang Aidilfitri.

Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata operasi itu melibatkan kawasan yang dijangka berlaku kesesakan lalu lintas, lapor Bernama.

Beliau berkata ia melibatkan anggota balai selain kereta peronda, Unit Rondaan Bermotosikal (URB), rondaan bit serta risikan bagi melancarkan aliran trafik.

"Ia akan diatur gerak secara holistik dan sistematik bagi mengurangkan

beban kesesakan trafik di lebuhraya, jalan-jalan negeri serta jalan perbandaran," katanya.

Beliau menambah polis juga mengadakan Op Selamat ke-20 antara 20 hingga 27 April bagi memastikan penyelesaian rakyat menyambut Aidilfitri kali ini.

Katanya, ia diharap meminimumkan kes nahas jalan raya, keselamatan harta benda dan kadar pecah rumah semasa musim perayaan.

"Selain itu, pemantauan udara oleh unit dron Pasukan Gerakan Udara turut dijalankan bagi memantau dan mengesan lokasi titik panas yang telah dikenal

pasti," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan menguat kuasa larangan pemanduan kenderaan barangan pada 20 dan 21 April selain 24 hingga 25 April.

Menurut kenyataan pada 14 April, larangan itu bagi mengelak kesesakan lalu lintas dan mengurangkan risiko nahas berikutan jangkakan peningkatan kenderaan persendirian.

Perintah Had Laju Kebangsaan dan Perintah Had Laju Tempatan juga dilaksanakan iaitu penurunan had kenderaan motor kepada 80 km sejam di seluruh Malaysia.

# Jamin bekalan barangan asas cukup

**SHAH ALAM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan barangan keperluan asas mencukupi menjelang sambutan perayaan Aidilfitri ini.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata perkara itu susulan sesi libat urus yang dilaksanakan KPDN ber-

sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) termasuk agensi-agensis penting seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar serta pihak pembekal, lapor Bernama.

"Saya difahamkan bekalan mencukupi menjelang Hari Raya ini, maka tidak perlu bimbang. Sekiranya terdapat perubahan, KPDN akan memberi notis

atau pemberitahuan awal bagi mana-mana bekalan barangan yang tidak mencukupi.

"Tetapi setakat ini jangan bimbang, bekalan keperluan pada masa kini adalah mencukupi. Sehubungan itu rakyat tidak perlu melakukan pembelian panik menjelang sambutan perayaan Aidilfitri tidak lama lagi," katanya pada 15 April.

# Naik had pendapatan mohon rumah

**SHAH ALAM** - Had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah bagi memohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) bawah Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dinaik daripada RM3,000 kepada RM5,000 sejak bulan lalu.

Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming menambah langkah berkenaan membuka lebih banyak peluang kepada rakyat untuk memohon rumah mampu milik itu, lapor Bernama.

"Pemohon boleh membuat permohonan dalam talian di laman web SPNB

dan tiada lagi permohonan melalui ejen, ia dibuat secara telus dan tidak ada lagi ejen kutip bayaran," katanya.

Beliau berkata tempoh bayaran bulanan juga dipanjangkan antara 16 hingga 25 tahun pada kadar kekal iaitu RM300 selain pemohon boleh memilih enam reka bentuk yang diingini.

"SPNB juga dalam usaha mendapatkan sijil pengiktirafan daripada SIRIM sebagai piawaian kualiti yang diakui di peringkat antarabangsa bagi semua unit yang dibinanya," katanya.

Sejak 2002 hingga bulan lalu, SPNB menyiapkan 56,002 unit RMR di seluruh negara.

Nga menjelaskan kerajaan juga memperuntukkan subsidi pembinaan rumah RM358 juta kepada SPNB untuk membina 4,250 unit RMR tahun ini pada harga kos bermula RM75,000 seunit.

Terdahulu, beliau menyerahkan surat tawaran dan kunci rumah kepada 40 penerima program RMR dari Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan.





Tengku Amir Shah (tengah) menyantuni anak yatim daripada tiga pusat jagaan ketika majlis berbuka puasa sempena perlawanan Piala FA di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 15 April. Foto HAFIZ OTHMAN

Lebur rekod tanpa kalah Sri Pahang

# Red Giants ke suku akhir Piala FA

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Selangor FC mara ke suku akhir Piala FA selepas membela-sah Sri Pahang 4-0 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 15 April.

Beraksi di hadapan kira-kira 5,000 penyokong, skuad kendalian Tan Cheng Hoe membuka tirai jaringan menerusi Mukhairi Ajmal pada minit ke-41 diikuti gol kedua pemain tengah itu pada minit ke-59.

Pemain sayap Faisal Halim menambah derita skuad Tok Gajah apabila menghadiahkan gol ketiga pada minit ke-67 diikuti jaringan ketua pasukan Brendan Gan empat minit kemudian

sekali gus melengkapkan malam indah Red Giants.

Kejayaan berkenaan mengesahkan kemaraan Selangor FC ke suku akhir bertemu Negeri Sembilan FC.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke majlis berbuka puasa sebelum perlawanan pusingan 16 Piala FA bermula.

Keberangkatan tiba Tengku Amir Shah sekitar 6.45 petang disambut Datuk Bandar Petaling Jaya Mohd Azhan Mohd Amir dan Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon.

Baginda berkenan menyampaikan duit raya dan cenderahati kepada 90

anak yatim dari United Arakan Institute Malaysia, Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Pertubuhan Baitul Lathofah untuk tajaan Daikin Malaysia, Hijabista Hub dan Joma Malaysia.

Tengku Amir Shah kemudian menunaikan solat Maghrib berjemaah dan menikmati hidangan bersama kira-kira 1,000 penyokong, anak yatim termasuk pemegang taruh.

Baginda turut menunaikan solat Isyak dan tarawih sebelum menyerahkan memorandum persefahaman (MoU) kepada rakan kerjasama Soccer Schools serta menyaksikan perlawanan Red Giants.

## Kekal tandangi kerusi PRN

**SHAH ALAM** - Penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor akan kekal bertanding dalam pilihan raya negeri (PRN) akan datang, kata setiausaha Pakatan Harapan (HARAPAN).

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memaklumkan perkara itu dipersetujui HARAPAN dan Barisan Nasional (BN) selepas perundingan dibuat kedua-dua pihak baru baru ini, lapor Astro Awani.

"Keputusan yang kita buat di peringkat sekretariat dan kita kena

turunkan ke bawah, perundingan di beberapa negeri sedang berlaku. Kita ada masa lagi, yang penting kita setuju dengan parameter itu.

"Bila dijangka akan selesai? Selalunya sebelum penamaan calon,"katanya.

Pada saat ini, sebanyak 45 kerusi DUN di Selangor dikuasai HARAPAN dan BN manakala selebihnya pembangkang termasuk wakil rakyat Bebas.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi HARAPAN Fahmi Fadzil berkata rundingan kerusi bagi PRN masih

dibincangkan melalui jawatankuasa khas bawah sekretariat kerajaan perpaduan.

"Tiada pengumuman setakat ini. Selagi tiada apa diumumkan, perkara masih dalam perbincangan dan ia belum berakhir,"katanya menafikan gabungan itu akan "mengorbankan" kerusi selamat kepada BN.

Sebelum ini, sebuah portal melaporkan Parti Keadilan Rakyat dan DAP akan memberi laluan beberapa kerusi di Selangor untuk mengekalkan kerajaan perpaduan.

## RM30,000 bantu rumah kebajikan

**SHAH ALAM** - PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) menyalur sumbangan RM30,000 kepada empat rumah kebajikan di Selangor menerusi program Konvoi Kembara Ramadan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Fakru Radzi Ab Ghani berkata agihan bantuan berbentuk wang tunai dan barangan keperluan asas bertujuan meringankan perbelanjaan harian rumah kebajikan itu.

Katanya, penerima antaranya Pusat Jagaan Titian OKU Nur (Rawang), Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al Ikhlas, (Puchong) Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Asnaf An Naafi (Ampang) serta Rumah Amal Al Firdaus (Denai Alam).

"Rumah kebajikan dipilih hasil penilaian dan lawatan di samping khidmat nasihat Lembaga Zakat Selangor. Kita mahu beri semula kepada masyarakat melalui agihan wakalah zakat,"katanya pada 11 April.

## MPS-Perkeso bantu PPDK Autism

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Selangor (MPS) menyumbangkan barangan elektrik dan barangan keperluan harian kepada pusat pemulihan dalam komuniti (PPDK) Kasih Templer Autisma di Taman Seri Melati pada 10 April.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporatnya Ahmad Fauzi Ishak berkata penyerahan sumbangan melalui program Ihya' Ramadan MPS itu dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Seramai 49 orang termasuk pelajar dan penjaga PPDK tersebut menerima baju dan duit raya RM50 setiap seorang daripada Yang Dipertua MPS Dato' Mohd Yazid Sairi.

"Wakil Perkeso turut menyumbangkan wang tunai RM3,000 kepada Pengerusi PPDK Kasih Templer Autism Dato' Saiful Bahri Abd Hadi,"katanya pada 12 April.

## Kumpul tiga tan lebih juadah

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengumpul hampir tiga tan lebih makanan dan minuman di bazar Ramadan sepanjang 14 hari program 'MBSA MYSave Food@Bazar Ramadan 2023'.

Datuk Bandar Shah Alam Dr Nor Fuad Abdul Hamid menjelaskan sebanyak 1.46 tan makanan dan 1.49 tan minuman dikumpul antara 23 Mac hingga 11 April.

"Ini aktiviti pengumpulan lebih makanan daripada peniaga bazar Ramadan dan mengagihkannya kepada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan.

"Program itu dianjurkan di tiga lokasi bazar iaitu Seksyen 7, Seksyen 17 dan Seksyen 20 juga bagi mengelakkan berlakunya pembaziran makanan,"katanya pada 12 April.

Program tersebut mendapat kerjasama sukarelawan Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia dan Briged Sukarelawan UiTM.





Menteri Besar Selangor Incorporated

# Meriah Aidilfitri

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1444H



Selangor Fintech Sdn Bhd

Selangor e-Wallet Sdn Bhd

#KitaSelangor



MEMACU KEHIDUPAN

